



جايتن قهرهوتنن نكري فيرق

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-528 8100

: 05-528 8071

: 05-528 8072

: 05-528 8073

: 05-528 8075

Faks : 05-528 8101

Laman Web : www.perakforestry.gov.my



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PPN.PK. SPPH 12/15 (107)

Tarikh : 7 Zulhijjah 1446 H
4 Jun 2025

Pegawai Hutan Daerah

Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut & Matang,
Kinta / Manjung dan Perak Selatan.

Tuan,

KENYATAAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN INVENTORI HUTAN SEBELUM TEBANGAN (PRE-F) OLEH SEKSYEN PERANCANGAN & PENGURUSAN HUTAN TAHUN 2025 (FASA 2)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan telah mengeluarkan Kenyataan Sebut Harga bagi **Perkhidmatan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)** bertarikh 4 Jun 2025 (Rabu) kepada mana-mana kontraktor yang berminat. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan sesalinan Kenyataan Sebut Harga bagi sebut harga yang dimaksudkan (**PPN.PK.(SH) 88/2025 (SPPH)** **PPN.PK.(SH) 89/2025 (SPPH)** dan **PPN.PK.(SH) 90/2025 (SPPH)**) untuk makluman pihak tuan. Kerjasama daripada pihak tuan adalah dimohon untuk mempamerkan iklan tersebut di pejabat tuan.

Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(RUSLI BIN TAHIR)

Timbalan Pengarah (Pembangunan)

b.p.: Pengarah Perhutanan Negeri

Jabatan Perhutanan Negeri Perak

"PERAK SEJAHTERA 2030"



**KENYATAAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN INVENTORI HUTAN SEBELUM
TEBANGAN (PRE-F) OLEH SEKSYEN PERANCANGAN & PENGURUSAN HUTAN
TAHUN 2025 (FASA 2)**

s.k: YBhg. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Perak

- | | | |
|--|---|--|
| Pegawai Hutan Daerah Kinta/Manjung | - | Kerjasama pihak tuan adalah dipohon untuk membenarkan Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan menggunakan Pejabat Renj. Hutan Batu Gajah Utara, Daerah Kinta/Manjung bagi tujuan tempat berkumpul urusetia dan kontraktor |
| Penolong Pengarah
(Bahagian Khidmat Pengurusan &
Sumber Manusia) | - | Kerjasama pihak puan adalah dipohon untuk menguruskan peti tawaran sebut harga dan mengiklankan sebut harga ini di papan tanda iklan dan laman web jabatan. |



KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH IKLAN: 4 JUN 2025

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **222104 / 222105** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

BIL	NO. SEBUT HARGA DAN TAJUK PROJEK	TAKLIMAT SEBUTHARGA / TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP / MASA
1.	<u>PPN.PK. (SH) 88/2025 (SPPH)</u> <u>(3 Bulan)</u> Perkhidmatan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) di Daerah Kinta/Manjung Seluas Lebih Kurang 290 Hektar bagi kawasan seperti berikut :- i. Hutan Simpan Teluk Muroh :- Sebahagian Kompartmen 0 & 6 (40 ha), Sebahagian Kompartmen 0, 5B & 6 (Petak 1)(50 ha); ii. Hutan Simpan Bukit Kinta :- Sebahagian Kompartmen 75, 80 & 82 (Petak 1) & 72 (Petak 2)(80 ha); dan iii. Hutan Simpan Parit :- Sebahagian Kompartmen 51, 52, 54, 56 & 57 (120 ha).	Tarikh 10 Jun 2025 (Selasa) Masa 9.30 pagi Tempat Berkumpul di Pejabat Renj. Batu Gajah Utara, Daerah Kinta/Manjung.	Tarikh 10 Jun 2025 (Selasa) Tempat Seksyen Perancangan & Pengurusan Hutan Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh 17 Jun 2025 (Selasa) Masa 12.00 Tengah hari
2.	<u>PPN.PK. (SH) 89/2025 (SPPH)</u> <u>(3 Bulan)</u> Perkhidmatan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) di Daerah Kuala Kangsar Seluas Lebih Kurang 320 Hektar bagi kawasan seperti berikut :- i. Hutan Simpan Piah :- Sebahagian Kompartmen 134 (80 ha), Sebahagian Kompartmen 97, 98 & 99 (80 ha), ii. Hutan Simpan Korbu :- Sebahagian Kompartmen 137 (80 ha); dan Sebahagian Kompartmen 10 & 137 (80 ha).	Tarikh 10 Jun 2025 (Selasa) Masa 9.30 pagi Tempat Berkumpul di Pejabat Renj. Batu Gajah Utara, Daerah Kinta/Manjung.	Tarikh 10 Jun 2025 (Selasa) Tempat Seksyen Perancangan & Pengurusan Hutan Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh 17 Jun 2025 (Selasa) Masa 12.00 Tengah hari


BIL	NO. SEBUT HARGA DAN TAJUK PROJEK	TAKLIMAT SEBUTHARGA / TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP / MASA
3.	<u>PPN.PK. (SH) 90/2025 (SPPH) (3 Bulan)</u> Perkhidmatan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) di Daerah Hulu Perak Seluas Lebih Kurang 400 Hektar bagi kawasan seperti berikut :- i. Hutan Simpan Temengor :- Sebahagian Kompartmen 247 & 251 (80 ha), ii. Hutan Simpan Bintang Hijau :- Sebahagian Kompartmen 327 & 328 (80 ha); Sebahagian Kompartmen 346, 347 & 353 (80 ha), Sebahagian Kompartmen 299 (80 ha); dan Sebahagian Kompartmen 300, 351 & 350 (Petak 1) & 302 & 306 (Petak 2)(80 ha).	Tarikh 10 Jun 2025 (Selasa) Masa 9.30 pagi Tempat Berkumpul di Pejabat Renj. Batu Gajah Utara, Daerah Kinta/Manjung.	Tarikh 10 Jun 2025 (Selasa) Tempat Seksyen Perancangan & Pengurusan Hutan Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh 17 Jun 2025 (Selasa) Masa 12.00 Tengah hari

- Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk menyertai sebut harga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat sebut harga** sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebut harga.
- Pihak kontraktor dibenarkan menghadiri dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan**:
 - Kad Pengenalan pemilik syarikat;
 - Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM); dan
 - Resit pendaftaran kontraktor Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
- Kontraktor yang berminat menghadiri lawatan tapak dikehendaki menyediakan pengangkutan dan memakai pakaian yang sesuai.
- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli mulai **10 Jun 2025 (Selasa)** sehingga sebelum tarikh tutup **sebut harga** pada waktu pejabat di Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
- Dokumen Sebut Harga akan dijual dengan harga **RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja)** senaskah kepada kontraktor yang menghadiri dan mengikuti lawatan tapak. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kad Debit/Kredit** atau **Bank Deraf** atas nama **"BENDAHARI NEGERI PERAK"**. Bayaran secara **Wang Tunai** tidak akan diterima.
- Semasa pembelian Dokumen Sebut Harga, kontraktor diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih aktif** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan **Resit Pendaftaran** dengan **Jabatan Perhutanan Negeri Perak**.

7. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan atas Sampul Surat No. Sebut Harga dan dialamatkan seperti di bawah :-

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK**

8. Dokumen Sebut Harga lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **17 Jun 2025 (Selasa)** pada jam 12.00 tengah hari.



.....
(RUSLI BIN TAHIR)

Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

